

## **KAJIAN PERKAHWINAN CAMPUR DI MALAYSIA**

**Prof. Madya Dr. Rozumah Baharudin,  
Dr. Rumaya Juhari, Tan Jo - Pei**

**(2005)**

### **Abstrak**

Sejarah Malaysia menunjukkan bahawa perkahwinan campur sudah lama wujud di negara ini. Antara perkahwinan campur yang termasyur adalah perkahwinan antara Sultan Mansor Shah dengan Puteri Hang Li-Po, In Re Maria Hertogh (1951) dan Chua Mui Nee, V. Palaniapapan (1967) dan Martin. Perkahwinan campur di negara ini dikawal oleh sistem perundangan, terutamanya apabila pasangan yang berkahwin itu berlainan warganegara. Akta Undang-Undang Keluarga Islam 1984 telah menetapkan bahawa perkahwinan di antara orang islam dan bukan islam adalah dilarang. Bagi orang bukan Islam, Akta Membaharui Undang-undang Perkahwinan dan Penceraihan 1976 (AMU) adalah diterima pakai untuk mereka. Peruntukan undang-undang mengenai perkara ini terkandung dalam undang-undang domisil (seksyen 48 dan 49 AMU). Perkahwinan campur dianggap menghadapi lebih banyak cabaran berbanding sama ras/ etnik dan sama agama serta kewarganegaraan kerana elemen adaptasi/ubahsuaian dan kesepaduan dalam aspek agama, adat resam dan budaya adalah sangat kritikal bagi pasangan masing-masing. Kajian dan literatur menunjukkan bahawa perkahwinan campur boleh berlaku atas dorongan atau motivasi dua faktor utama iaitu motivasi ras dan motivasi bukan ras (Porterfield, 1982). Faktor motivasi yang sering dikaitkan dengan ras adalah seperti pasangan melihat ras lain sebagai lebih menarik atau berdendam dengan ras sendiri dan menjadikan symbol status berkait dengan ras. Manakala faktor motivasi bukan ras lebih merujuk kepada faktor intrinsic atau peribadi seperti cinta, keupayaan dan keinginan individu untuk mencari pasagan yang setara atau lebih baik dari segi taraf sosio-ekonomi. Sesetengah pihak bimbang perkahwinan campur boleh membawa banyak masalah kepada pasangan yang berkahwin dan keluarga yang terlibat serta masyarakat. Pengkaji (Pearce, 1980, McGoldrick & Preto, 1984) terdahulu berpendapat perbezaan yang wujud antara pasangan berkahwin campur boleh menjadi sumber kekuatan bagi perkahwinan mereka, namun ia juga boleh menjadi punca kepada masalah. Pasangan berkahwin campur dijangka mempunyai masalah yang lebih tinggi dalam alam perkahwinan dan kekeluargaan. Mereka juga dikatakan lebih mudah untuk bercerai yang mana boleh mengakibatkan kesejahteraan masyarakat dan generasi penerus tergugat. Anak-anak mereka lazimnya didapati oleh kajian lalu (Pearce 1980, Mc Goldrick & Preto, 1984) menghadapi lebih

banyak masalah personal dan perhubungan berbanding rakan-rakan mereka daripada keluarga homogami. Semasa dalam proses membesar, anak-anak dan ibu bapa daripada perkahwinan campur kerap berhadapan dengan konflik di mana anak-anak lebih cenderung untuk hidup bebas dan menyesuaikan diri dengan budaya baru yang akhirnya meninggalkan budaya keturunannya, sedangkan kedua ibubapa mereka pula mengawal mereka serta mengekalkan perhubungan dengan budaya asal. Di samping kebimbangan di atas, wujud juga isu seperti konflik akulturasi atau asimilasi, perwarisan keturunan dan kesinambungan etnik (Stevens & Schoen, 1988). Pembudayaan boleh terhasil daripada proses asimilasi (elemen ciri dan nilai budaya kumpulan minoriti diambil alih oleh kumpulan lebih dominan). Walaupun di Malaysia perkahwinan campur hanya menjadi amalan segelintir penduduk negara, namun adalah amat penting untuk dikaji faktor penyumbang ke arah kesejahteraan sesebuah keluarga hasil perkahwinan campur. Ini adalah kerana konsep perkahwinan campur boleh dilihat sebagai pemangkin kepada perpaduan antara penduduk negara pelbagai ras/etnik dan agama.